AUTHOR: No author available SECTION: BISNES AUDIENCE : 65,000 PAGE: 28 PRINTED SIZE: 199.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 4,232 WORDS: 288
ITEM ID: DP0122499025



12 NOV, 2026

Kesediaan grid nasional jamin kepastian ekonomi Malaysia

Sinar Harian, Malaysia

Kesediaan grid nasional jamin kepastian ekonomi Malaysia

KUALA LUMPUR - Tenaga Nasional Bhd (TNB) meletakkan keutamaan tertinggi terhadap usaha memperkukuh grid nasional, dengan menyedari sepenuhnya bahawa kesiapsiagaan grid amat penting bagi menjamin kepastian ekonomi Malaysia serta memenuhi aspirasi tenaga dan perindustrian negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir Shamsul Ahmad berkata, cita-cita Malaysia dalam sektor tenaga dan perindustrian hanya mampu berkembang seiring dengan keupayaan infrastruktur grid yang menyokongnya.

Dalam konteks itu, beliau menegaskan bahawa TNB berpegang teguh kepada strategi 'grid-first', iaitu pendekatan yang melibatkan perancangan dan pengembangan rangkaian elektrik negara lebih awal berdasarkan jangkaan permintaan, berbanding bertindak selepas permintaan tersebut berlaku.



SHAMSUL

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama pada acara Clean Energy Transition Asia (CETA) 2026, platform utama Asia bagi pelaburan, inovasi dan kerjasama tenaga bersih yang menghimpunkan lebih 200 pempamer.

Disokong oleh perbelanjaan modal rangkaian berjumlah kira-kira RM43 bilion di bawah Tempoh Kawal Selia 4 (RP4) bagi tempoh 2025 hingga 2027, Shamsul berkata, TNB sedang memperkukuh grid nasional bagi memastikan kebolehpercayaan dan keselamatan bekalan elektrik yang digunakan rakyat Malaysia setiap hari, di samping membuat persediaan untuk memenuhi permintaan tenaga yang semakin meningkat.

"Grid yang lebih kukuh dan berdaya tahan juga membolehkan TNB menyokong peluang ekonomi baharu, termasuk dalam bidang pendigitalan dan pertumbuhan industri, menerusi inisiatif seperti Green Lane Pathway," katanya.

Inisiatif itu mempercepatkan proses sambungan grid bagi pusat data yang layak tanpa menjejaskan kebolehpercayaan bekalan elektrik.

Menurut Shamsul, pelaburan tersebut turut mengukuhkan peranan Malaysia dalam Grid Kuasa ASEAN (ASEAN Power Grid), sekali gus menyumbang kepada keselamatan tenaga, keterhubungan dan kerjasama serantau yang lebih mantap.

Beliau berkata, pada akhirnya, kesiapsiagaan grid akan mewujudkan kepastian ekonomi.

"Dengan melabur lebih awal daripada keperluan semasa, TNB memastikan infrastruktur tenaga negara berfungsi sebagai pemangkin kemajuan negara dalam jangka panjang," katanya.- *Bernama*

© Rural Press Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.